

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.11.2015

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan tidak meletakkan kesemua ubat-ubatan dan perkhidmatan perubatan dalam senarai barangan dan perkhidmatan berkadar sifar di bawah rejim GST dan berapakah kadar kenaikan kos perkhidmatan perubatan dan ubat-ubatan sejak pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran impak GST menjangkakan kadar kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi sektor kesihatan sebanyak 0.13% berdasarkan kepada 4,215 ubat-ubatan yang

dikenakan GST pada kadar sifar. Kedudukan impak GST tersebut sewajarnya tidak memberi kesan kepada golongan berpendapatan rendah kerana golongan ini lazimnya mendapat bekalan ubat dari klinik atau hospital Kerajaan yang sememangnya tidak dikenakan GST.

Namun begitu, atas keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan ubat-ubatan kepada rakyat, dalam pembentangan Bajet 2016, Kerajaan telah mengumumkan peluasan skop pengenaan GST pada kadar sifar ke atas semua jenis Ubat Terkawal di bawah senarai Racun Kumpulan A, B, C dan D. Di samping itu, tambahan sebanyak 95 jenama ubat *over the counter* yang meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit seperti ubat kanser, kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung juga dikenakan GST pada kadar sifar. Ini melibatkan peningkatan dua kali ganda, dari 4,215 kepada 8,630 jenama ubat yang dikenakan GST pada kadar sifar. Peluasan skop ini adalah bersesuaian dengan keperluan rakyat terhadap ubat-ubatan. Melalui peluasan skop tersebut juga, kira-kira 72% daripada keseluruhan ubat-ubatan telah diberi layanan GST pada kadar sifar. Hanya ubat *over the counter* yang tidak tersenarai di dalam *National Essential Medicines* (NEM) yang masih tertakluk kepada GST.